

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 3/1999**

### **PENUTUPAN PEJABAT PENYELESAIAN TANAH KELANTAN DI PEJABAT KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN CAWANGAN KELANTAN DAN PENUBUHAN PEJABAT PENYELESAIAN TANAH KELANTAN DI PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan yang berkenaan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam menimbang kertas MMK Bil. 24/959/98(8) dalam sidangnyanya kali ke 24/98 pada 16hb. Disember 1998 telah bersetuju menutup Pejabat Penyelesaian Tanah Kelantan di Pejabat Ketua Pengarah dan Galian Cawangan Kelantan pada 31hb. Disember 1998 dan menubuhkan Pejabat Penyelesaian Tanah Kelantan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.

2. Bermula pada 1hb. Januari 1999 segala tugas penyelesaian tanah yang masih tertunggak diurus oleh Pejabat Penyelesaian Tanah Kelantan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.
3. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian I dilantik sebagai Pengarah Penyelesaian Tanah Kelantan dan diwartakan sebagai Pentadbir Tanah bagi Jajahan Machang, Kuala Krai, Gua Musang, Pasir Puteh, Jeli dan Tanah Merah di bawah Seksyen 12(1)(b)KTN 1965 dan akan menjalankan tugas sebagai Ketua Jajahan bagi jajahan-jajahan yang sama di bawah Ordinan Penyelesaian Tanah Kelantan 51/1955 bagi tujuan penyelesaian kes-kes yang ada di jajahan-jajahan yang masih dalam kawasan penyelesaian.

4. Penolong Pengarah Tanah dan Galian ( Pembangunan ) dilantik sebagai Penolong Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan dan diwartakan sebagai Penolong Pentadbir Tanah Jajahan bagi Jajahan Machang, Kuala Krai, Gua Musang, Pasir Puteh, Jeli dan Tanah Merah di bawah Sek. 12(1)(b) KTN 1965 dan akan menjalankan tugas sebagai Penolong Ketua Jajahan bagi jajahan yang sama di bawah Ordinan Penyelesaian Tanah Kelantan 51/1955 bagi tujuan penyelesaian kes-kes tunggakan yang ada di jajahan-jajahan yang masih dalam penyelesaian.
5. Pewartaan Pentadbir Tanah Jajahan berkenaan sekarang Tuan Hj. Nik Yusuff bin Hj. Nik Muhamad@ Mat dan Penolong Pentadbir Tanah Jajahan berkenaan Md. Pauzi bin Mohd. Yusoff dibatalkan selepas 6 bulan tarikh penyerahan.
6. Sehubungan dengan itu Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan yang berkenaan diminta mengambil maklum berikutan dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan di atas.

**t.t**  
**( Md. Yusuf bin Noh )**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN

**KEPADA:**

Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. Y.A.B Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. Y.A.Brs Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Kerajaan Tempatan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
NEGERI KELANTAN,  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
15576 KOTA BHARU.  
FAIL: PTG.KN.11376 SJ.2 Jld.1(16)  
BERTARIKH : 14 SYAWAL 1419  
01 FEBRUARI 1999**